

NAMA KUMPULAN: PENYU

NO BIL DALAM SENARAI HMT 223	NAMA PENUH AHLI KUMPULAN	GAMBAR MUKA TERKINI AHLI	NO. MATRIK	NO. TELEFON BIMBIT
28	KHAIRUL AMNI BINTI YAHAYA		147898	011-55049477
151	NURUL HUSNA BINTI RONZI		148043	016-7806252
101	NUR ANIS SYAHIRAH BINTI ABD HAMID		141084	016-4188415
57	MUHAMMAD AMIRUL ASYRAF BIN ABDUL WAHAB		147396	013-5577322
63	MUHAMMAD HAFIZUDDIN BIN MUHAMAD SHABUDI		146793	013-4460682

TAHAP 1 – MENGINGAT

SOALAN OBJEKTIF

1. Berdasarkan petikan daripada tajuk ‘Peguam mereka, Haresh Mahadevan ketika ditemui media di perkarangan Kompleks Mahkamah Seremban selepas prosiding itu semalam, menjelaskan bahawa kedua-dua anak guamnya itu hadir atas tuduhan melanggar SOP PKPB dan tidak membabitkan isu rentas negeri atau sebagainya’ (<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/05/819181/neelofa-suami-tidak-didakwa-rentas-negeri-keputusan-pejabat-peguaiaitu>). Kenalpasti kata dasar bagi perkataan ‘menjelaskan’. **(1 markah)**

- A) Menjelaskan
- B) Jelas
- C) Jelaskan

Jawapan: C (1 markah)

Kata dasar merupakan kata yang boleh dikenakan penambah. Kata akar bagi menjelaskan ialah ‘jelas’ dan dikenakan penambah -kan .

2. Berdasarkan perkataan ‘menjelaskan’ yang manakah pecahan golongan kata yang betul bagi perkataan tersebut? **(1 markah)**

- A) Jelas + kan
- B) Men + jelas + kan
- C) Men + je + las + kan
- D) Men + jelaskan

Jawapan: B (1 markah)

Imbuhan yang ada di dalam perkataan menjelaskan ‘ialah meN-...-kan manakala jelaskan merupakan kata akar bagi ‘menjelaskan’.

3. Berdasarkan petikan daripada “Neelofa dan suami tidak didakwa rentas negeri” (<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/05/819181/neelofa-suami-tidak-didakwa-rentas-negeri-keputusan-pejabat-peguam>), yang manakah antara berikut diketogorikan sebagai morfem bebas? **(1 markah)**

- A) kajian
- B) keputusan
- C) tuduhan
- D) rentas

Jawapan: D (1 markah)

Morfem bebas ialah perkataan yang tidak mempunyai imbuhan atau morfem lain dengannya atau menurut buku Morfologi karya Abdullah Hassan ialah Morfem bebas boleh wujud sendirian. Perkataan “rentas” tidak menerima sebarang imbuhan dan berdiri sendiri.

SOALAN SUBJEKTIF

“Peguam mereka, Haresh Mahadevan ketika ditemui media di perkarangan Kompleks Mahkamah Seremban selepas prosiding itu semalam, menjelaskan bahawa kedua-dua anak guamnya itu hadir atas tuduhan melanggar SOP PKPB dan tidak membabitkan isu rentas negeri atau sebagainya”

4. Berdasarkan petikan di atas (Sumber:

<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/05/819181/neelofa-suami-tidak-didakwa-rentas-negeri-keputusan-pejabat-pegawai>), nyatakan golongan kata bagi perkataan berikut (4 markah)

Perkataan	Golongan kata
Perkarangan	
menjelaskan	
ketika	
Tidak	

Jawapan:

Perkataan	Golongan kata
Perkarangan	Kata Nama
menjelaskan	Kata Kerja
ketika	Kata hubung
Tidak	Kata Nafi

5. Senaraikan jumlah morfem terikat yang terdapat dalam petikan di bawah.

“Pasangan itu mengaku tidak bersalah terhadap semua pertuduhan dan dibenarkan ikat jamin sebanyak RM15,000. Mahkamah kemudian menetapkan 4 Jun depan untuk sebutan semula kes.”

Sumber: <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/05/819181/neelofa-suami-tidak-didakwa-rentas-negeri-keputusan-pejabat-pegawai>

.....
.....
.....

Jawapan: 10/ 10 Perkataan (2 markah)

-pasangan, mengaku, bersalah, terhadap, pertuduhan, dibenarkan, sebanyak, kemudian, menetapkan, sebutan

6. Dengan menggunakan tajuk akhbar Sinar Harian, Neelofa, suami tidak didakwa rentas negeri keputusan Pejabat Peguam Negara (<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/05/819181/neelofa-suami-tidak-didakwa-rentas-negeri-keputusan-pejabat-peguam>), **kenal pasti dan senaraikan morfem bebas** dalam mengikut: (3 markah)

SUMBER	SENARAI MORFEM		
Tatabahasa Dewan (Nik Safiah Karim et al, 2015)	1		
	2		
	3		

Jawapan:

SUMBER	SENARAI MORFEM dan PEMARKAHAN		
Tatabahasa Dewan (Nik Safiah Karim et al, 2015)	1	suami	1
	2	selebriti	1
	3	negeri	1

TAHAP 2 (MEMAHAMI)

SOALAN OBJEKTIF

1. Berdasarkan petikan ‘Penggunaan katil ICU seluruh negara cecah 91 peratus’ (<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/05/819654/penggunaan-katil-icu-seluruh-negara-cecah-91-peratus>) berikan contoh golongan kata bagi perkataan ‘penggunaan katil ICU seluruh negara’ **(1 markah)**

	penggunaan	katil	ICU	seluruh	negara
A	Kata kerja	Kata nama	Akronim	Kata bilangan	Kata nama
B	Kata nama	Kata kerja	Kata nama	Kata tugas	Kata nama
C	Kata kerja	Kata nama	Akronim	Kata bilangan	Kata nama

Jawapan: C (1 markah)

Penggunaan	Menjadi kata kerja kerana penggunaan menunjukkan kepada perbuatan.
katil	Merupakan kata nama am tak hidup.
ICU	Akronim daripada perkataan Intensive Care Unit (ICU) dan dalam bahasa melayu bermaksud Unit Rawatan Rapi.
seluruh	Perkataan yang menerangkan kepada bilangan atau jumlah.
negara	Perkataan yang boleh menjadi unsur inti bagi binaan frasa nama.

2. Berdasarkan petikan ‘Penggunaan katil ICU seluruh negara cecah 91 peratus’ (<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/05/819654/penggunaan-katil-icu-seluruh-negara-cecah-91-peratus>). Padanan yang manakah betul bagi jenis morfem di bawah. **(1 markah)**

	Jenis Morfem	Contoh Morfem
A	Morfem bebas	Katil, peralatan
B	Morfem terikat-imbuhan awalan	Terbabit, pesakit
C	Morfem terikat-imbuhan akhiran	Menambah, kritikal

Jawapan: **B** (1 markah)

Jawapan b kerana perkataan ‘terbabit’ bermula dengan imbuhan atau afiks di hadapannya iaitu Ter-babit. Kemudian diikuti perkataan seterusnya iaitu ‘pesakit’ juga morfem terikat untuk imbuhan awalan, pe-sakit.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata malah penggunaan katil ICU di Lembah Klang sudah mencapai 113 peratus, justeru kementerian sedang mengesan ruang tertentu yang boleh digunakan sebagai wad ICU sementara

Sumber: Berita Harian Online
(<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/05/819654/penggunaan-katil-icu-seluruh-negara-cecah-91-peratus>)

3. Berdasarkan petikan di atas , terdapat perkataan yang mempunyai morfem terikat. Kenalpasti jawapan yang tiada morfem terikat. (**1 markah**)

A	Pengarah
B	Kementerian
C	Ruang
D	Digunakan

Jawapan: C

Ruang tidak mempunyai morfem terikat kerana morfem terikat ialah morfem yang tidak dapat berdiri sendiri dan memerlukan kehadiran morfem lain.

Contoh: Morfem terikat (ter) + Morfem bebas (senyum) : Tersenyum

Morfem terikat ‘ter-’ tidak mempunyai makna tanpa kehadiran morfem bebas senyum.

SOALAN SUBJEKTIF

4. Berdasarkan petikan daripada <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/05/819654/penggunaan-katil-icu-seluruh-negara-cecah-91-peratus> iaitu ‘Sekiranya ada kekosongan katil di hospital itu, kita akan menghantar pesakit yang memerlukan ke sana’. Senaraikan 3 morfem bebas dan 3 morfem terikat serta berikan takrifan morfem bebas dan morfem terikat berdasarkan Nahu Melayu Muktakhir. (10 Markah)

Morfem Bebas	Morfem Terikat

Takrifan Morfem Bebas

Takrifan Morfem Terikat

Contoh Skema Jawapan:

Morfem Bebas	Morfem Terikat
Katil (1 markah)	Ke-an (1 markah)
Hospital (1 markah)	MeN- (1 markah)
Sana (1 markah)	MeN-kan (1 markah)

Takrifan Morfem Bebas

-morfem bebas adalah morfem yang boleh berdiri sendiri sebagai satu kata atau sebagai ayat minimal (**2 markah**)

Takrifan Morfem Terikat

-Morfem terikat adalah morfem yang memerlukan bantuan morfem lain, baik morfem bebas atau morfem terikat, untuk membentuk kata. (**2 Markah**)

Bagi memaksimumkan penggunaan katil di Lembah Klang, Dr Noor Hisham berkata, pihaknya mempunyai sistem untuk mengetahui kekosongan terbabit di hospital berkaitan.

Sumber: [Penggunaan katil ICU seluruh negara cecah 91 peratus](http://Penggunaan%20katil%20ICU%20seluruh%20negara%20cecah%2091%20peratus%20(bharian.com.my))
[\(bharian.com.my\)](http://bharian.com.my)

5. Nyatakan perkataan yang mengalami pengrimbuhan daripada petikan di atas. (**5 markah**)

Jawapan:

1. Memaksimumkan
2. Penggunaan
3. Berkata
4. Mempunyai
5. Mengetahui
6. Kekosongan
7. Terbabit
8. Berkaitan

6. Berdasarkan tajuk akhbar Berita Harian iaitu Penggunaan Katil ICU Seluruh Negara Cecah 91 Peratus (<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/05/819654/penggunaan-katil-icu-seluruh-negara-cecah-91-peratus>), nyatakan di dalam jadual tersebut ayat yang mengandungi “ke-...-an” sebagai Kata Nama dan kemudian gariskan perkataan tersebut. (2 markah)

Bil	Jawapan
1.	

Jawapan

Bil	Jawapan
1.	..., justeru <u>kementerian</u> sedang mengesan ruang tertentu yang boleh digunakan ...

TAHAP 3 (MENGAPLIKASI)

SOALAN OBJEKTIF

1. Dengan menggunakan data yang boleh didapati pada berita pada pautan ini <https://www.bharian.com.my/berita/pendidikan/2021/05/817922/permainan-dalam-talian-suntik-elemen-ceria-pdpr>. Pilihan jawapan yang manakah merupakan data untuk bentuk perkataan. **(1 markah)**

- I) Guru
- II) Ciri-ciri
- III) Maklum balas
- IV) Salah

A. I dan III

B. I dan IV

C. IV dan I

D. II dan III

Jawapan: B (1 markah)

Perkataan boleh ditakrifkan sebagai bentuk bebas yang terkecil yang boleh berdiri sendiri dan binaanya tidak boleh dipisahkan kepada bentuk tatabahasa yang lebih kecil lagi. (TBD, m/s 436)

Murid juga boleh melihat jawapan mereka dan menilai semula jika ia salah. Hal ini boleh terjadi dalam tempoh singkat, serta-merta, malah dalam persekitaran yang sama. Jawapan kepada soalan juga akan segera tertera

Sumber: Berita Harian Online ([Permainan dalam talian suntik elemen ceria PdPR \(bharian.com.my\)](http://Permainan_dalam_talian_suntik_elemen_ceria_PdPR_(bharian.com.my)))

2. Berdasarkan petikan di atas, terdapat perkataan yang tergolong dalam jenis kata adjektif iaitu '**singkat**'. Kata adjektif boleh dikenal pasti dengan beberapa ciri. Oleh itu, pilih ciri-ciri yang betul bagi kata adjektif. **(1 markah)**

- A. Tidak mengalami perbandingan
- B. Tidak boleh menerima imbuhan se..nya
- C. Boleh menggunakan kata penguat
- D. Tidak boleh hadir selepas Kata Nama

Jawapan: C

A - Salah: kerana Kata Adjektif boleh mengalami perbandingan

Contoh: lebih tinggi / tercantik

B - Salah: kerana kata adjektif boleh menerima imbuhan se.. nya

Contoh: Sekuatnya

D - Salah: kerana kata adjektif boleh hadir selepas Kata Nama namun perlu didahului dengan perkataan 'yang'

Contoh: Pokok yang rending

3. Berdasarkan tajuk akhbar dalam Berita Harian iaitu, ‘Permainan dalam Talian Suntuk Elemen Ceria PdPR’ (<https://www.bharian.com.my/berita/pendidikan/2021/05/817922/permainan-dalam-talian-suntik-elemen-ceria-pdpr>), berdasarkan petikan di bawah, yang manakah **pasangan kata yang tidak mengalami perubahan golongan kata** sekiranya imbuhanya digugurkan. (1 markah)

“Pertamanya, permainan dalam talian dapat meningkatkan tahap motivasi pembelajaran murid dan mengekalkannya. Kedua, ia dapat mengurangkan beban kerja guru. Misalnya, menerusi permainan dalam talian membolehkan guru terus memberikan jawapan bagi setiap soalan diberikan selepas murid selesai menjawabnya”

- A. permainan, pembelajaran C. permainan, soalan
B. mengekalkannya, mengurangkan D. membolehkan, pembelajaran

Jawapan: **D** (1 markah)

Huraian:

- A. ‘permainan’ (Kata Nama) dibuang imbuhan menjadi ‘main’ (Kata Kerja)
‘pembelajaran’ (Kata Nama) dibuang imbuhan menjadi ‘belajar’ (Kata Kerja)
- B. ‘mengekalkannya’ (Kata Kerja) dibuang imbuhan menjadi ‘kekal’ (Kata Kerja)
‘mengurangkan’ (Kata Kerja) dibuang imbuhan menjadi ‘kurang’ (Kata Tugas)
- C. ‘permainan’ (Kata Nama) dibuang imbuhan menjadi ‘main’ (Kata Kerja)
‘soalan’ (Kata Nama) dibuang imbuhan menjadi ‘soal’ (Kata Kerja)
- D. ‘memberikan’ (Kata Kerja) dibuang imbuhan menjadi ‘beri’ (Kata Kerja)
‘menjawabnya’ (Kata Kerja) dibuang imbuhan menjadi ‘jawab’ (Kata Kerja)

SOALAN SUBJEKTIF

4. Dengan menggunakan ayat ‘paparan skrin yang menarik, pilihan warna serta latar belakang muzik turut membantu mengekalkan minat murid dalam bermain permainan dalam talian (<https://www.bharian.com.my/berita/pendidikan/2021/05/817922/permainan-dalam-talian-suntik-elemen-ceria-pdpr>). Berikan contoh ayat tentang perkataan ‘menarik’ mengikut kata kerja dan kata adjektif. **(2 markah)**

Kata kerja	Kata adjektif

Jawapan:

Kata kerja	Kata adjektif
Kakak menarik adik jauh daripada kolam itu.	Corak baju itu sangat menarik

“Amalan ini adalah sebahagian usaha untuk menggalakkan murid supaya mengambil bahagian yang aktif di dalam proses pembelajaran.”

[\(https://www.bharian.com.my/berita/pendidikan/2021/05/817922/permainan-dalam-talian-suntik-elemen-ceria-pdpr\)](https://www.bharian.com.my/berita/pendidikan/2021/05/817922/permainan-dalam-talian-suntik-elemen-ceria-pdpr)

5. Anda diminta untuk membina ayat dengan menggunakan perkataan di bawah tanpa menyalin semula seperti ayat dari petikan di atas. **(3 markah)**

Menggalakkan:

Digalakkan:

Galak:

Jawapan:

Menggalakkan - Guru menggalakkan murid-muridnya agar rajin mengulangkaji pelajaran kerana peperiksaan akhir sudah tidak lama lagi.

Digalakkan - Kita digalakkan untuk menabung sebagai langkah persediaan ketika waktu kecemasan

Galak - Pergaduhan itu kelihatan semakin galak kerana kedua-dua pemuda itu tidak ingin mengalah.

6. "...Bagi meningkatkan emosi dan hubungan sosial murid pula, mereka patut diberi pujian selepas berjaya menamatkan permainan atau mendapat markah tinggi. Amalan ini adalah sebahagian usaha untuk menggalakkan murid supaya mengambil bahagian yang aktif di dalam proses pembelajaran..."

Sumber: (<https://www.bharian.com.my/berita/pendidikan/2021/05/817922/permianan-dalam-talian-suntik-elemen-ceria-pdpr>)

Berdasarkan ayat diatas senaraikan 2 contoh golongan kata adjektif kemudian namakan jenis kata adjektif tersebut. **(4 markah)**

.....
.....

Jawapan:

- emosi (1 markah)
- kata adjektif perasaan (1 markah)

- Tinggi (1 markah)
- kata adjektif ukuran (1 markah)

- aktif (1 markah)
- kata adjektif sifatan (1 markah)

(rujukan daripada TBD m/s -90&91)

TAHAP 4 (MENGANALISIS)

SOALAN OBJEKTIF

1. Berdasarkan ayat ‘di sebalik desakan sebilangan besar rakyat yang meminta agar ‘lockdown’ penuh dilaksanakan bagi membendung penularan kes Covid-19, Menteri Kanan (Keselamatan) Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob menjelaskan kerajaan mempunyai pertimbangan tertentu sebelum memutuskan apa juar langkah yang hendak diambil’ <https://www.mstar.com.my/lokal/semasa/2021/05/22/kenapa-tak-buat-lockdown-penuh-ismail-sabri-dedah-rakyat-derita-masalah-mental-makan-nasi-dengan-air-garam>. Berapakah alomorf lingkungan fonologi yang ada dalam ayat tersebut? (**1 markah**)

- A. 2
- B. 5
- C. 6
- D. 4

Jawapan: B

(meminta, membendung, menjelaskan, mempunyai, memutuskan)

2.

- *P- Tambahnya lagi, pelaksanaan lockdown secara menyeluruh akan memberi kesan yang sangat besar kepada golongan miskin yang rata-ratanya bergantung kepada pendapatan harian.*
- *Q- "Ada kata kenapa tak tutup kilang atau syarikat besar. Kesannya bukan kepada tuan punya syarikat saja tapi kepada pekerja-pekerja.*

Yang manakah antara berikut betul bagi jenis penggandaan di dalam jadual di bawah berdasarkan ayat diatas.

	P	Q
A	Penggandaan separa	Penggandaan Penuh
B	Penggandaan berentak	Penggandaan separa
C	Penggandaan Penuh	Penggandaan Penuh
D	Penggandaan berentak	Penggandaan berentak

Jawapan: C

Kedua-dua ayat P dan Q ialah mengalami proses penggandaan penuh. Menurut TBD penggandaan penuh ialah proses yang menggandakan keseluruhan kata dasar sama ada kata dasar itu mengandungi imbuhan ataupun tidak.

3. Berdasarkan petikan daripada <https://www.mstar.com.my/lokal/semasa/2021/05/22/kenapa-tak-buat-lockdown-penuh-ismail-sabri-dedah-rakyat-derita-masalah-mental-makan-nasi-dengan-air-garam> iaitu ‘ DI SEBALIK desakan sebilangan besar rakyat yang meminta agar 'lockdown' penuh dilaksanakan bagi membendung penularan kes Covid-19, Menteri Kanan (Keselamatan) Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob menjelaskan kerajaan mempunyai pertimbangan tertentu sebelum memutuskan apa jua langkah yang hendak diambil.’ Perkataan yang manakah mempunyai penambah yang bersifat bukan penutup.

- A. memutuskan
- B. meminta
- C. pertimbangkan
- D. dilaksanakan

Jawapan: C

Penambah awalan per- merupakan penambah bukan penutup kerana boleh diberi awalan meN- dan di- bagi menghasilkan memper- dan diper- .

SOALAN SUBJEKTIF

4. Berdasarkan petikan yang dipetik pada pautan berita <https://www.mstar.com.my/lokal/semasa/2021/05/22/kenapa-tak-buat-lockdown-penuh-ismail-sabri-dedah-rakyat-derita-masalah-mental-makan-nasi-dengan-air-garam> iaitu ‘Berkata dalam sidang media pada petang Sabtu, Ismail Sabri mendedahkan bahawa terdapat banyak kes melibatkan masalah mental dilaporkan ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 1.0 dilaksanakan tahun lalu’. Analisiskan alomorf jenis lingkungan fonologi yang terdapat dalam petikan tersebut dan senaraikan perwujudan awalan lain yang wujud. (6 markah)

Alomorf	Perwujudan alomorf awalan yang lain

Jawapan

Alomorf	Perwujudan alomorf awalan yang lain
Men- dalam mendedahkan Me- dalam melibatkan (2 markah)	Mem- Meng- Meny- Menge- (4 markah)

"Peniaga kecil, mereka bergantung hidup secara harian daripada perniagaan yang dilaksanakan. Kalau tutup lagi, mereka tiada pendapatan harian.

Sumber : [Kenapa tak buat lockdown penuh? Ismail Sabri dedah rakyat derita masalah mental, makan nasi dengan air garam - Semasa | mStar](#)

5. Berdasarkan petikan di atas, terdapat 2 jenis morfem yang telah dikenalpasti iaitu morfem terikat dan morfem bebas. (10 markah)

- I. Bezakan 2 ciri bagi kedua-dua morfem.
- II. senaraikan 6 contoh perkataan bagi kedua-dua morfem tersebut.

	Morfem Bebas	Morfem Terikat
I. Ciri-ciri		
II. Contoh		

Jawapan

	Morfem Bebas	Morfem Terikat
Ciri-ciri	<ul style="list-style-type: none"> - Boleh berdiri sendiri - Mempunyai maksud tersendiri - Berbentuk kata 	<ul style="list-style-type: none"> - Boleh mengubah maksud kata - Tidak boleh berdiri sendiri - Boleh mengubah golongan kata - Perlu kehadiran morfem lain - Berbentuk imbuhan
Contoh	Kecil, hidup, Kalau, tutup, lagi, mereka , tiada, yang, secara	Peniaga, bergantung, harian, daripada, perniagaan, dilaksanakan, pendapatan

6. Tulis satu ayat bagi setiap perkataan dalam pasangan perkataan di bawah ini untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.
(6 markah)

- | | | |
|-------------|---|----------|
| (i) tunjuk | - | telunjuk |
| (ii) kuncup | - | kemuncup |
| (iii) guruh | - | gemuruh |

Jawapan:

- i) Tunjuk = “Tolong tunjuk jalan kepada pak cik ini” kata Ali kepada Abu. (1 markah)
Telunjuk = Jari telunjuk Ali terkena duri. (1 markah)
- ii) Kuncup = Bunga mawar kuncup apabila tibanya waktu malam dan mekar di siang hari.(1 markah)
Kemuncup = Padang itu dipenuhi dengan kemuncup kerana tiada sesiapa yang memotong rumput. (1 markah)
- iii) Guruh = Adik takut akan guruh. (1 markah)
Gemuruh = Perasaan gemuruh perlu diatasi agar mewujudkan keyakinan diri. (1 markah)

TAHAP 5 (MENILAI)

SOALAN OBJEKTIF

Adalah menjadi tanggung jawab kita untuk sentiasa melakukan amal soleh dalam apa juga keadaan. Ini kerana Hari Kiamat tidaklah diketahui oleh sesiapa melainkan Allah seperti mana di sebutkan dalam Surah Luqman ayat ke 34: *Sesungguhnya di sisi Allah pengetahuan yang tepat tentang Hari Kiamat'*

1. Berdasarkan petikan di atas, tentukan perkataan yang telah mengalami pemajmukan. **(1 markah)**
 - I. Tanggung jawab
 - II. Hari Kiamat
 - III. Amal Soleh
 - IV. Seperti mana
 - A. I, II, III
 - B. I, III
 - C. I, III, IV
 - D. I, IV

Jawapan: D (1 markah)

Hari Kiamat dan amal soleh bukan kata majmuk kerana ia tidak menunjukkan maksud yang khusus. Ia juga tidak mengalami perubahan makna walaupun disisipkan dengan perkataan ‘yang’ atau ‘dan’ .

2. Berdasarkan petikan daripada <https://www.mstar.com.my/xpose/ad-din/2021/05/21/peperangan-palestin-dan-zionis-adakah-ia-tanda-kiamat-sudah-hampir>, iaitu ‘Apa yang berlaku iaitu peperangan antara Palestin dan Zionis telah terjadi beberapa kali. Maka menjadi satu kewajipan kita untuk terus membantu dan menyokong saudara kita di sana.’ Tentukan pasangan yang manakah merupakan pasangan golongan kata yang betul. (**1 markah**)

	Perkataan	Golongan kata
I	di	Kata sendi nama
II	menyokong	kata nama
III	dan	Kata sendi nama
IV	untuk	Kata tugas

- A. I dan II
- B. I dan III
- C. I dan IV
- D. II dan IV

Jawapan: C (1 markah)

Perkataan ‘menyokong’ adalah kata kerja manakala ‘dan’ merupakan kata hubung.

3.

AYAT	
I	Anak bongsu Puan Siti guru Bahasa Melayu.
II	Ketua jurulatih pasukan hoki itu tegas sekali.
III	Tindakannya itu telah menyusahkan banyak pihak.
IV	Pelajar cemerlang itu sudah ke luar negara,

POLA AYAT	
<i>P</i>	FN + FA
<i>Q</i>	FN + FN
<i>R</i>	FN + FS
<i>S</i>	FN + FK

Yang manakah padanan yang betul bagi contoh ayat dan polanya?

	I	II	III	IV
A	<i>Q</i>	<i>P</i>	<i>S</i>	<i>R</i>
B	<i>R</i>	<i>P</i>	<i>S</i>	<i>Q</i>
C	<i>P</i>	<i>Q</i>	<i>R</i>	<i>S</i>
D	<i>Q</i>	<i>S</i>	<i>P</i>	<i>R</i>

Jawapan: (1 markah)

- A. I = Q
 II = P
 III = S
 IV = R

SOALAN SUBJEKTIF

1. Berdasarkan data dari (<https://www.mstar.com.my/xpose/ad-din/2021/05/21/peperangan-palestin-dan-zionis-adakah-ia-tanda-kiamat-sudah-hampir>). Perkataan kata dasar menentukan ialah tentu, pada pendapat anda mengapakah huruf ‘t’ digugurkan apabila menerima imbuhan. (3 markah)

.....
.....

Jawapan:

- i. Ada atau tiadanya bunyi sengau sesudah bunyi e pepet
- ii. Perbezaan pada bunyi sengau yang berkenaan
- iii. Huruf yang gugur biasanya fonem tak bersuara

P- ...Segala apa yang berlaku hari ini adalah disebabkan kelalaian dan kecuaihan kita sendiri...

Q- ...Maka menjadi satu kewajipan kita untuk terus membantu dan menyokong saudara kita di sana...

sumber: <https://www.mstar.com.my/xpose/ad-din/2021/05/21/peperangan-palestin-dan-zionis-adakah-ia-tanda-kiamat-sudah-hampir>.

2. Berdasarkan petikan di atas nyatakan jenis kata hubung keluarkan perkataan dari petikan tersebut. Kemudian sila berikan definisi yang berkaitan dengan kata hubung berkenaan. **(6 markah)**
-
.....
.....

Jawapan:

P- kata hubung pancangan relatif (1 markah)

-(yang) (1 markah)


- definisi : Kata hubung pancangan relatif atau ringkasnya kata relatif ialah perkataan yang berfungsi menghubungkan klausa utama dengan klausa kecil yang lain. (TBD, m/s 252) (1 markah)

Q- kata hubung pancangan Komplemen (1markah)

-(untuk) (1 markah)

- definisi: Kata hubung pancangan komplemen, ringkasnya kata komplemen, berfungsi menghubungkan klausa yang menjadi komplemen atau pelengkap pada klausa utama. (TBD, m/s 253) (1 markah)

3.



a) Apakah contoh kata nafi X dan Y?

- i) X: _____ (1 markah)
ii) Y: _____ (1 markah)

Kata para alim ulama, hadis ini adalah hadis yang umum dan tidak menunjukkan pada peperangan di Palestin sahaja yang menentang Yahudi dan kita juga tidak boleh menentukan sama ada peperangan kali ini merupakan maksud hadis atau bukan.

b) Berdasarkan tajuk akhbar Peperangan Palestin dan Zionis adakah ia tanda kiamat sudah hampir? (<https://www.mstar.com.my/xpose/ad-din/2021/05/21/peperangan-palestin-dan-zionis-adakah-ia-tanda-kiamat-sudah-hampir>), keluarkan **kata nafi** dalam petikan tersebut dan bina ayat yang berikan satu contoh lain yang mengandungi kata nafi tersebut. (2 markah)

i) _____

Jawapan:

- a) i) X: Tidak (1 markah)
ii) Y: Bukan (1 markah)
- b) Tidak. (1 markah)
Contoh ayat: Saya tidak akan datang lagi. (1 markah)

TAHAP 6 (MEREKACIPTA)


SOALAN OBJEKTIF

1. Berdasarkan data <https://www.bharian.com.my/wanita/keluarga/2021/04/811935/elak-kanak-kanak-murung-menyendiri>. Yang manakah kurungan berlabel IRONCREEK untuk SD dan SL perkataan ‘menyendiri’. (**2 markah**)

- A. [SD [AF meN-] [KK sendiri]]--> [SL [AF meN-... sendiri]]
- B. [SD [AF meN-] [KK sendiri]]--> [SL [AF menyendiri]]
- C. [AF meN-] [KK sendiri]]-->[AF menyendiri]]

Jawapan: A

2. Berdasarkan rajah pohon di bawah, pilih satu ayat yang menepati rajah tersebut: (**1 markah**)




- A. Pelajar itu sahaja telah datang ke sekolah.
- B. Anak jiran saya seang bermain di padang.
- C. Bapa budak itu belum pulang dari pejabat.
- D. Bayi lelaki saya masih tidur di dalam buaian.

Jawapan:

- B. Bapa budak itu belum pulang dari pejabat.

3.



Berdasarkan tajuk akhbar ‘Elak kanak-kanak murung menyendiri’ (<https://www.bharian.com.my/wanita/keluarga/2021/04/811935/elak-kanak-kanak-murung-menyendiri>), ayat yang manakah mengandungi kata hubung X dan kata hubung pancangan Y? **(1 markah)**

	X	Y
A	Kemurungan dalam kalangan kanak-kanak perlu dirawat elak jadi senyap dan menyendiri.	Namun agak berbeza di negara ini kerana masih ada yang melihatnya dengan pandangan sinis.
B	Masalah kemurungan melampau dialami kanak-kanak atau orang dewasa	Kaedah terapi seni atau lukisan secara tidak langsung dapat membantu jika kanak-kanak murung
C	Namun, sekiranya mereka menunjukkan tanda terlebih takut dan risau itu mungkin gejala awal gangguan keresahan sekali gus menyebabkan tekanan trauma serta fobia yang boleh mengganggu aktiviti harian.	Perasaan risau, sedih atau takut adalah normal.
D	Bagaimanapun, kemurungan dalam kalangan kanak-kanak perlu dirawat kerana jika dibiarkan mereka akan menjadi lebih senyap	Kemurungan dalam kalangan kanak-kanak perlu dirawat elak jadi senyap dan menyendiri.

Jawapan: (1 markah)

- A. X = Kata hubung gabungan: menghubungkan dua klausa atau lebih yang sama tarasifatnya.
- Y = Keterangan: Kata hubung pancangan keterangan berfungsi menghubungkan klausa yang menjadi keterangan pada klausa utama.


SOALAN SUBJEKTIF

1. ‘Frasa kerja yang dibentuk oleh kata kerja transitif sebagai intinya boleh mengandungi dua frasa nama yang menjadi objek kepada kata kerja itu’(Tatabahasa Dewan)

Bina sebuah ayat yang memenuhi pernyataan di atas dan bina rajah pohon berdasarkan ayat tersebut (**4 markah**)


Jawapan:

Siti menghadiahkan baju kepada Melisa




2. Bina rajah pohon beserta kurungan berlabel menggunakan ayat ‘elak kanak-kanak murung menyendiri’. **(4 markah)**

Jawapan: [FK[KK elak] [KN kanak-kanak] [KA murung] [KK menyendiri]]



3. Bina satu ayat berdasarkan rajah pohon dibawah. (**2 markah**)



Jawapan:

Contoh ayat

Ibu ahmad memotong sayur di dapur.

Ayah Abu membelikan jam tangan untuknya